

Keputusan SPM: Petua Hafaz Al-Quran

Harian Metro, Selasa 13 Mac 2007

Oleh Adnan Mohamad

KOTA BHARU: "Setiap hari saya mengulang kaji pelajaran dan masa selebihnya menghafaz al-Quran.

"Ibu bapa dan guru sering menasihatkan saya menghafaz al-Quran kerana memudahkan ingatan terhadap pelajaran," kata pelajar Sekolah Agama Mahaad Muhammadi Perempuan, Siti Fatimah Mukhtar, 17, yang diumumkan pelajar terbaik negeri ini bagi sekolah tajaan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Dia memperoleh 17 1A dan 1 2A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sekali gus mencipta rekod kecemerlangan keputusan SPM bagi sekolah agama tajaan Kerajaan Negeri Kelantan.

Berita Harian, Selasa 13 Mac 2007

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Mohd Roji Abdullah, Mohd Izham Unnip Abdullah

Di KOTA BHARU, pelajar Sekolah Agama Maahad Muhammadi Perempuan, Siti Fatimah Mukhtar, 17, yang memperoleh 17 1A dan satu 2A, berkata tumpuan ketika guru mengajar serta ulang kaji secara konsisten sepanjang tahun dan doa, menjadi kunci kejayaannya.

"Saya juga menghafaz al-Quran setiap hari bagi menguatkan ingatan saya terhadap pelajaran yang diajar guru," kata anak guru Sekolah Kebangsaan Tapang, Aishah Mohd, 50, dan Pengurus Operasi Bank Islam Wilayah Timur, Mukhtar Ismail, 53.

Anak ketujuh daripada lapan beradik itu, mendapat 1A bagi subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah, Matematik, Sains, Geografi, Matematik Tambahan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Fizik, Kimia, Biologi, Tamadun Islam, Pendidikan Al-Quran dan As-Sunah, Pendidikan Syariah Islam serta Bahasa Inggeris dalam Sains dan Teknologi, manakala 2A untuk Bahasa Arab Tinggi.